



**BERJAYA SCHOOL OF HUMANITIES & SOCIAL SCIENCES
Faculty of Liberal Arts**

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) :

Course Code & Name : **MPU3212 BAHASA KEBANGSAAN A**
Trimester & Year : January – April 2018
Lecturer/Examiner : Normaizura Md Zain
Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

- This question paper consists of 2 parts:**
PART A (30 marks) : 30 multiple choice questions. Answers are to be shaded in the Multiple Choice Answer Sheet provided.
**PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa
SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)**
- Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.**
- This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.**
- Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.**

WARNING: The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

Total Number of pages = 13 (Including the cover page)

BAHAGIAN B

SOALAN 1 : **SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)**
ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

Petikan (i)

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada 6 Jun 2016 lalu, dunia digemparkan dengan berita pesalah pedofilia, Richard Huckle yang juga warganegara Britain dijatuhi hukuman penjara seumur hidup oleh sebuah mahkamah di London selepas didapati bersalah terhadap 71 pertuduhan berkaitan penderaan seksual terhadap kanak-kanak termasuk di Malaysia. Huckle yang berasal dari Ashford, Kent mengaku bersalah mendera secara seksual kesemua mangsa terlibat yang berusia antara enam bulan hingga 12 tahun dan menurut portal BBC News, perbuatan terkutuk itu dilakukannya antara 2006 hingga 2014. Kumpulan penyiasat dikatakan menemukan lebih daripada 20,000 gambar lucah dan video kanak-kanak yang menjadi mangsa serangan seksual Huckle dan lebih malang koleksi peribadi lelaki terkutuk itu kemudian dikongsi ke seluruh dunia menerusi satu laman sesawang dikenali sebagai “laman sesawang gelap”.

The International Classification of Diseases (ICD) mentakrif pedofilia sebagai “*disorder of adult personality and behavior*” atau kecelaruan dalam personaliti orang dewasa yang mempunyai keinginan seks terhadap kanak-kanak belum baligh atau baharu mencapai umur baligh. Pedofilia dapat dijelaskan sebagai pesakit mental atau yang mengalami gangguan psikiatrik. Masalahnya, gangguan mental ini sangat sukar dikenal pasti.

Di Malaysia, terdapat beberapa perundangan yang boleh digunakan terhadap pedofilia. Antaranya, Akta Kanak-kanak 2001, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (akta 588) termasuk pindaan 2006 dan Kanun Keseksaan. Malaysia tiada undang-undang seperti di United Kingdom yang secara spesifik dikenakan terhadap seorang pedofilia. Mungkin sudah sampai masanya kita juga memasukkan dalam pindaan undang-undangnya, sama ada Kanun Keseksaan atau Akta Komunikasi dan Multimedia, peruntukan khas mengenai pesalah pedofilia.

Ibu bapa boleh mengajar anak-anak supaya bercerita tentang hal-hal yang berlaku kepada mereka sepanjang hari sama ada di rumah atau di tempat jagaan, sekolah dan sebagainya. Seterusnya, mengajar anak menghormati tubuh badannya dan menyatakan yang tidak semua bahagian tubuh badan boleh disentuh oleh sesiapa pun termasuk ibu bapa, adik beradik dan sesiapa sahaja. Begitu juga dengan mengajar anak membezakan pegangan atau sentuhan yang tidak dibenarkan dan ibu bapa harus meluangkan masa untuk selalu berbual dengan anak hingga melihat ketidakselesaiannya bercakap mengenai sesuatu perkara terutama mengenai seks dan orang dewasa tertentu. Ibu bapa juga perlu dilatih untuk mengetahui tentang pedofilia dan cara-cara untuk mengesannya.

Kesimpulannya, ibu bapa harus lebih prihatin dan tidak memandang remeh sesuatu isu kerana bimbang ia akan **menjadi lebih mudarat dan menyesal pun sudah tiada guna.**

(Sumber : *dipetik dan diubah sesuai daripada Rencana Utusan Melayu, Pedofilia, Selamatkah kanak-kanak kita, 2016*)

1. Apakah peribahasa yang sesuai dengan situasi ini, “**menjadi lebih mudarat dan menyesal pun sudah tiada guna**”?
(2
markah)
2. Berdasarkan petikan, nyatakan **EMPAT (4)** perkara yang perlu diajar kepada kanak-kanak bagi menghadapi kemungkinan pedofilia ini?
(4
markah)
3. Pada pandangan anda, apakah kesan-kesan yang dialami oleh kanak-kanak yang menjadi mangsa serangan seksual? Nyatakan **DUA (2)** kesan.
(4 markah)

Petikan (ii)

Baca sajak di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

SAAT BICARA MEMBERIKAN PILIHAN

Oleh : Mohd Helmi Ahmad

Saat bicara menjadi peluru
berhati-hati menghala sasaran
peluru tidak boleh berundur
terkena tembakan
menanah membusung
menanggung keperitan
Saat bicara menjadi api
sekam merebak membakar diam
membesar menjadi lawan
terbakar habis
menyesal tidak berguna lagi

Terlajak perahu dapat diundur
terlajak kata menghancurkan badan
saat bicara memberikan pilihan
pilihlah sopan santun
daripada lancang
andai tidak mampu
mengawal terlajak
berdiam diri lebih baik

daripada berkata-kata.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan frasa, “*sekam merebak membakar diam*”? **(2 markah)**
2. Nyatakan **DUA (2)** pengajaran yang terdapat dalam sajak di atas? **(4 markah)**
3. Pada pandangan anda, nyatakan langkah-langkah yang wajar dilakukan untuk membentuk masyarakat berbudi bahasa di Malaysia. **(4 markah)**

TATABAHASA (20 markah)

*Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.*

- a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini supaya jelas menunjukkan perbezaan maknanya. Anda tidak boleh menambah imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa.

- I. memotong
- II. meraut
- III. mengerat
- IV. mencencang
- V. mengupas

(10 markah)

- b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. Jawapan hendaklah ditulis di kertas jawapan.

- I. Suratkhbar lama dikumpulkan terlebih dahulu sebelum dibawa ke pusat penjualan

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

II. Pekerja menenun songkit memang sukar, tetapi menjadi mudah jika berlaku dengan tekun.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

III. Kanak-kanak bertepuk tangan sebaik-baik sahaja persembahan nyanyian sempena disambut kemerdekaan tanahair selesai.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

IV. Ayah baru saja membuat peperiksaan jantung di Klinik Tan.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

V. Pei Wan telah membelikan sebuah motorsikal kepada suaminya sempena hari lahir lelaki itu.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

(10 markah)

SOALAN 2**: SOALAN ESEI (30 MARKAH)****ARAHAN****: Bahagian ini terdiri daripada SATU (1) bahagian yang wajib dijawab.**

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

Soalan 1

Perlembagaan Persekutuan, Perkara 152 telah menetapkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Namun begitu, peranan bahasa kebangsaan semakin lama semakin diketepikan. Huraikan langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan di Malaysia.

Soalan 2

Permainan tradisional merupakan permainan yang dimainkan oleh generasi pada zaman nenek moyang kita sejak dahulu lagi. Namun, peredaran zaman yang kian berubah telah menyaksikan bahawa permainan tradisional ini makin dipinggirkan oleh generasi muda kini. Bincangkan usaha-usaha yang wajar dilakukan untuk mempopularkan kembali permainan tradisional dalam kalangan remaja dan masyarakat.

Soalan 3

Industri pelancongan mampu menjana pendapatan yang lumayan kepada negara Malaysia. Jelaskan keistimewaan yang terdapat di negara kita sehinggakan pelancong berminat untuk berkunjung ke Malaysia.